



**PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA**  
(THE SCOUTS ASSOCIATION OF MALAYSIA)

Ruj.kami :PPM-4(236)/2012  
Tarikh :19 September 2012

Yang Berbahagia,  
Tan Sri Abd. Ghafar bin Mahmud  
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pelajaran Malaysia  
Aras 8, Blok E8, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62604 Putrajaya.

Yang Berbahagia Tan Sri,

**PERMOHONAN KELULUSAN DAN PELEPASAN GURU PEMIMPIN SERTA AHLI  
PENGAKAP MENYERTAI JAMBORI ON THE AIR (JOTA) KE-55 DAN JAMBORI ON THE  
INTERNET (JOTI) KE- 16, PERINGKAT DUNIA**

Dengan segala hormat dan sukacitanya dimaklumkan bahawa World Organization Scouts Movement (WOSM) akan menganjurkan Jambori On The Air (JOTA) kali ke-55 dan Jambori On The Internet kali ke-16 Peringkat Dunia pada 19 hingga 22 Oktober 2012.

2. Sehubungan dengan itu, Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM) akan membuka satu (1) stesyen radio amateur induk dan satu (1) stesyen internet induk serta dua puluh dua (22) rangkaian stesyen JOTA/JOTI yang akan beroperasi menghubungkan ahli-ahli Pengakap Malaysia seluruh Negara dan peringkat Antarabangsa dari 23 rangkaian stesyen termasuk stesyen induk di Kem Pengakap Malaysia Negeri Melaka. Dianggarkan seramai 3000 orang peserta yang akan menyertai Jambori On The Air (JOTA) dan Jambori On The Internet (JOTI) peringkat dunia ini yang terdiri dari kalangan guru pemimpin dan pelajar dari seluruh Negara.

3. Oleh itu, saya bagi pihak Persekutuan Pengakap Malaysia dengan penuh harapan memohon agar Yang Berbahagia Tan Sri dapat memberikan kelulusan dan pelepasan tugas serta belajar kepada semua guru pemimpin dan ahli Pengakap sekolah-sekolah seluruh Negara yang akan menyertai Jambori On The Air (JOTA) dan Jambori On The Internet (JOTI) Peringkat Dunia ini **bermula 19 hingga 22 Oktober 2012.**

Segala kerjasama dan keprihatinan serta sokongan dari Yang Berbahagia Tan Sri dalam menjayakan program yang telah dirancang ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA MELALUI KEPENGAKAPAN"**

**"PENGAKAP MENTRANSFORMASI GENERASI"**

Yang menjalankan tugas  
Persekutuan Pengakap Malaysia,



**MOHD ZAKI NURUDDIN@NORDIN**  
Ketua Setiausaha Eksekutif

s.k. YBhg. Dato' Seri Paduka Ketua Pengakap Negara

YB. Dato' Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara

YBhg. Pengerusi Jawatankuasa JOTA/JOTI

Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kem. Pelajaran Malaysia

Pengarah Bahagian Ko-Kurikulum, Kem. Pelajaran Malaysia

Pengarah Pelajaran Negeri

Timbalan Pengarah Pelajaran WP Putrajaya

Timbalan Pengarah Pelajaran WP Labuan

Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri